

PM tinjau Harbour Park Valley, Marina

BH 1/9/03
LANGKAWI: Projek pembangunan Harbour Park Valley dan Marina di Pantai Kok terus menjadi tumpuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam siri lawatannya ke pulau peranginan ini, petang semalam.

Sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi pada jam 5 petang, Perdana Menteri yang diiringi Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain terus memandu kenderaan pacuan empat roda meninjau kemajuan projek itu.

Projek usaha sama Benua Perdana Sdn Bhd dan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) bernilai RM40 juta itu dibangunkan berdasarkan konsep Mediterranean yang antara lain mengandungi marina yang boleh memuatkan 100 kapal layar pada satu-satu masa.

Antara cadangan komponen pembangunan di kawasan seluas 12 hektar itu ialah pejabat pengurusan marina, Kompleks Petronas, stesen minyak dan surau, Kompleks Kastam, kondominium 120 unit, hotel bertaraf tiga, empat serta lima bintang dan 70 unit pusat komersial.

Ia adalah antara projek pembangunan utama pelancongan di sini yang masih dalam pembinaan. Bagaimanapun, Kompleks Petronas sudah siap dan memulakan operasinya Khamis lalu.